

HELAIAN MAKLUMAT PRODUK
(Klik di sini untuk Versi [ENGLISH](#))



Sila baca Helaian Pendedahan Produk ("HPP") ini bersama Surat Tawaran Pembiayaan sebelum anda membuat keputusan untuk memohon **SME-Grow-i** daripada Hong Leong Islamic Bank ("Bank").

Pembiayaan Berjangka Fleksi Komoditi Murabahah-i Hong Leong (di bawah program SME Grow) ("SME Grow-i")

Maklumat yang diberikan hanyalah maklumat tentang produk secara umum. Pastikan anda membaca terma dan syarat muktamad dalam surat tawaran selepas penilaian kredit dan kelulusan untuk pembiayaan.

October 2023

Sila dapatkan penjelasan dari pihak Bank jika anda tidak memahami mana-mana bahagian dokumen ini atau terma-terma umumnya.

1. Apakah produk ini?

- SME Grow-i adalah kemudahan pembiayaan secara Islam tidak berpusing secara sekaligus yang mematuhi prinsip-prinsip Syariah yang mempunyai tarikh matang dan jadual pembayaran yang telah ditetapkan.
- Ia adalah kemudahan pembiayaan secara Islam tidak bercagar untuk membantu anda memenuhi keperluan modal kerja anda.
- SME Grow-i ditawarkan oleh Bank pada kadar boleh ubah (terapung) dan berlandaskan kepada Kadar Pembiayaan Islam ("IFR"). Untuk produk ini, anda dilindungi daripada kadar yang lebih tinggi melalui kadar siling atau kadar keuntungan maksimum yang boleh dicaj iaitu Kadar Keuntungan Kontrak ("CPR") dimana harga jualan akan dihadkan pada CPR. Tidak kira tinggi mana IFR turun naik, anda tidak akan dicaj melebihi CPR.

2. Apakah kontrak Syariah yang digunakan?

Kontrak Syariah yang digunakan adalah *Tawarruq*. *Tawarruq* merujuk kepada 2 kontrak jualan dan belian. Yang pertama melibatkan penjualan aset (komoditi) oleh Bank kepada Pelanggan dengan harga tertanggung. Kemudian Pelanggan akan menjual aset yang sama kepada pihak ketiga untuk mendapatkan tunai.

Berikut adalah mekanisma bagi SME Grow-i:

1. Pihak Bank membeli komoditi* (yang digunakan sebagai aset pendasar) pada harga bersamaan dengan Amaun Pembiayaan (nilai yang bersamaan dengan Harga Belian Komoditi seperti yang dinyatakan dalam Surat Tawaran) daripada pembekal komoditi secara lani ("on spot") sebagai prinsipal. Bank sekarang menjadi pemilik komoditi.
2. Pelanggan melantik pihak Bank sebagai ejen (*wakil*) bagi pihak Pelanggan untuk membeli komoditi dari pihak Bank dan juga melantik pihak Bank sebagai ejen untuk menjual komoditi tersebut kepada pihak ketiga.
3. Bank menjual komoditi kepada Pelanggan dengan harga kos dan keuntungan (*Murabahah****) pada Harga Jualan (nilai yang bersamaan dengan Harga Jualan Komoditi seperti yang dinyatakan dalam Surat Tawaran) secara bayaran tertanggung (ansuran). Berdasarkan pelantikan ejen di atas, Bank akan menjadi wakil bagi pihak pelanggan untuk menerima/membeli jualan komoditi oleh Bank kepada Pelanggan. Pelanggan sekarang menjadi pemilik kepada komoditi tersebut.
4. Sebagai pemilik komoditi, Pelanggan boleh memilih untuk:
 - (a) mengambil serahan/milikan fizikal di atas perbelanjaannya sendiri; atau
 - (b) menjual komoditi tersebut kepada pihak ketiga untuk mendapatkan tunai;
5. Jika Pelanggan memilih 4(b), Bank (sebagai ejen kepada Pelanggan) menjual komoditi Pelanggan pada Amaun Pembiayaan kepada pihak ketiga secara lani untuk mendapatkan tunai.
6. Bank akan menandatangani hasil jualan (amaun pembiayaan) itu kepada Pelanggan.

* *Komoditi:*

(a) *Komoditi adalah dalam bentuk Minyak Sawit Mentah atau apa-apa komoditi yang patuh Syariah yang akan didagangkan bagi mendapatkan tunai untuk Pembiayaan. Komoditi yang digunakan mestilah diterima oleh pihak-pihak yang terlibat dan telah diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Bank.*

(b) *Perdagangan komoditi dijalankan melalui platform perdagangan pelbagai komoditi yang boleh melaksanakan transaksi Tawarruq dan telah diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Bank.*

** *Murabahah:*

Murabahah ialah jualan dan belian sesuatu komoditi dimana kos pemerolehan dan tambahan (keuntungan) dinyatakan kepada Pelanggan.

3. Apakah yang akan saya perolehi daripada produk ini?

- Harga Jualan Komoditi akan dikira berdasarkan CPR (seperti yang dinyatakan di dalam Surat Tawaran).
- Caj keuntungan akan dikira berdasarkan Kadar Keuntungan Efektif ("EPR")*. Caj EPR yang berlandaskan kepada IFR adalah di antara IFR + 2.75% hingga IFR + 3.25% setahun.
- Tempoh pembiayaan adalah sehingga 60 bulan atau 5 tahun.

* Jika jumlah keuntungan berdasarkan EPR adalah lebih rendah daripada jumlah keuntungan berdasarkan CPR, rebat akan diberikan pada perbezaan selepas penerimaan penyelesaian penuh oleh Bank.

Contoh:

Jumlah Kemudahan / Had / Harga Belian Komoditi	:	RM 100,000.00
IFR	:	6.64% setahun
Kadar Keuntungan	:	IFR + 2.75% setahun
Tempoh Pembiayaan	:	60 bulan / 5 tahun
CPR	:	15.00% setahun
EPR	:	9.39% setahun
Ansuran Bulanan (berdasarkan EPR)	:	RM 2,095.00
Jumlah Keuntungan	:	RM 42,740.00
Harga Jualan Komoditi	:	RM 142,740.00

No.	Amaun Pembayaran Bermula Pada 1hb Bulan Berikutnya	Keuntungan Yang Dibilkan	Pokok Dibayar	Baki Keuntungan Belum Diperolehi	Baki Pokok	Baki Semasa	Tarikh Matang Bayaran Berikutnya	Kadar Keuntungan Efektif
0				42,740.00	100,000.00	142,740.00	1-Mar-23	9.39%
1	2,095.00	797.63	1,297.37	41,942.37	98,702.63	140,645.00	1-Apr-23	9.39%
2	2,095.00	761.70	1,333.30	41,180.67	97,369.33	138,500.00	1-May-23	9.39%
3	2,095.00	776.55	1,318.45	40,404.12	96,050.88	136,455.00	1-Jun-23	9.39%
:	:	:	:	:	:	:	:	:
:	:	:	:	:	:	:	:	:
59	2,095.00	33.48	2,061.52	16,996.87	2,138.13	19,135.00	1-Feb-28	9.39%
60	2,154.08*	15.95	2,138.13	16,980.92	0.00	16,980.92	1-Mar-28	9.39%

* Amaun pembayaran akhir mungkin diubah untuk menyelesaikan sepenuhnya semua jumlah tertunggak. Apabila pokok yang tertunggak adalah sifar, rebat akan diberikan kepada Penyelesaian Keuntungan Belum Diperolehi

Nota: Harap maklum bahawa kadar dan tempoh di atas hanya indikatif. Amaun akhir yang diluluskan untuk pembiayaan, tempoh pembiayaan dan EPR adalah tertakluk kepada tawaran oleh pihak Bank dan mungkin berbeza daripada yang tersebut di atas. Untuk butiran sebenar bagi Kemudahan yang ditawarkan, sila rujuk kepada surat tawaran.

Sekiranya dan bila-bila masa EPR berubah disebabkan oleh perubahan yang berlaku kepada IFR dan bilangan sebenar hari dalam sebulan, amaun pembayaran akhir anda boleh diubah untuk menyelesaikan baki pokok belum jelas & keuntungan yang dibilkan untuk menyelesaikan pembiayaan sepenuhnya.

4. Apakah tanggungjawab saya?

- Menjelaskan bayaran ansuran berjadual yang terdiri daripada pokok dan keuntungan tepat pada masanya (dikira berdasarkan EPR dan baki harian pokok yang belum dijelaskan).
- Pembayaran dijadualkan pada setiap bulan.
- Untuk menyelesaikan semua amaun yang belum dijelaskan pada atau sebelum tamat tempoh kemudahan iaitu pada tarikh matang.

PENTING:

- Jika pembayaran jatuh pada bukan hari bekerja atau hari cuti umum, pembayaran hendaklah dibuat pada hari bekerja sebelumnya.
- Bank boleh, dari semasa ke semasa, mengubah IFR tetapi perubahan itu tidak boleh melebihi CPR. Sekiranya dan bila-bila masa EPR berubah disebabkan oleh perubahan yang berlaku kepada IFR, Bank boleh melakukan pelarasan seperti berikut, iaitu, sama ada:
 - (i) dengan mengubah amaun Pembayaran Bulanan; atau
 - (ii) dengan mengubah bilangan Pembayaran Bulanan.

Sebarang pelarasan adalah tertakluk kepada Bank terlebih dahulu memberi anda **notis bertulis sekurang-kurangnya 21 hari**.

- Amaun pembayaran bulanan anda boleh diubah jika ada perubahan dibuat pada EPR.

Jadual di bawah menggambarkan variasi amaun pembayaran bulanan dan jumlah bayaran jika IFR berubah (contoh di bawah adalah berdasarkan Perkara 3):

	6.64%	7.64%	8.64%
IFR	6.64%	7.64%	8.64%
Kadar Keuntungan Efektif	9.39%	10.39%	11.39%
Bulanan	2,095.00	2,144.00	2,194.00
Jumlah Keuntungan pada akhir tempoh	25,759.08	28,722.77	31,717.55
Jumlah pembayaran pada akhir tempoh	125,759.08	128,722.77	131,717.55

Nota: Pengiraan jumlah keuntungan dan jumlah pembayaran dalam jadual di atas adalah berdasarkan senario bahawa perubahan IFR berlaku sebelum pengeluaran pembiayaan. Sekiranya IFR berubah semasa tempoh pembiayaan, Amaun Pembayaran bulanan akan dipinda sewajarnya, dan jumlah keuntungan dan jumlah pembayaran akan berbeza.

5. Apakah jenis fi dan caj yang perlu saya bayar?

Duti Setem	Seperti yang termaktub di dalam Akta Setem 1949 (termasuk apa-apa pindaan terhadap akta tersebut), dan akan didebitkan daripada Amaun Kemudahan sebelum pengeluaran kemudahan dibuat.
Fi Pemprosesan	Setakat ini, semua fi pemprosesan adalah dikecualikan bagi Kemudahan yang diluluskan.
Fi Jaminan SJPP	Sekiranya Skim Jaminan untuk Kemudahan diluluskan oleh Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad ("SJPP"), Fi Jaminan* yang perlu dibayar oleh anda adalah berdasarkan liabiliti SJPP di bawah nisbah perkongsian risiko** dengan Bank. Fi Jaminan dikenakan oleh SJPP setiap tahun berdasarkan baki pokok dan mungkin tertakluk kepada terma dan syarat lain yang dikenakan oleh SJPP. Fi Jaminan ini akan dimasukkan oleh Bank ke dalam EPR, ini bermakna Fi Jaminan dibayar secara ansuran sama setiap bulan.
Fi Perdagangan	RM4.00 bagi setiap RM 1.0 juta amaun pembiayaan secara pro-rata.

Nota:

- Semua fi, komisen, caj dan wang lain yang kena dibayar adalah tertakluk kepada dan eksklusif daripada sebarang Cukai Kerajaan, yang mana berkenaan. Untuk maklumat lanjut berkenaan caj-caj lain, anda boleh melayari laman sesawang HLISB di www.hlisb.com.my.
- Semua fi dan caj termasuk duti setem, fi/kos guaman (jika berkenaan) dan/atau fi pendaftaran (jika berkenaan) berkaitan dengan SME Grow-i akan ditolak sebelum baki Amaun Kemudahan disediakan kepada anda. Bayaran keuntungan bulanan berulang (jika berkenaan) akan ditolak daripada Akaun Semasa/i HLB/HLISB yang ditetapkan.

*Fi Jaminan pada masa ini adalah pada kadar 1.00% setahun perlu dibayar awal untuk Skim Jaminan SJPP SME Grow yang diuruskan oleh SJPP atas amaun pokok tertunggak (tertakluk kepada had pembiayaan agregat Kumpulan tidak melebihi RM50.0 juta untuk skim jaminan SJPP, termasuk pembiayaan ini. Kumpulan ditakrif sebagai syarikat-syarikat di bawah kumpulan yang sama dari segi pegangan syer (memegang 50% atau lebih), para pengarah (menyediakan jaminan) dan/atau penjamin berkaitan.
- ** Di bawah Skim Jaminan ini, liabiliti SJPP ialah 70% daripada Amaun Kemudahan.

6. Apakah yang akan berlaku jika saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?

Caj Pampasan bagi Bayaran Lewat (Ta'widh)	<ol style="list-style-type: none"> Bagi kemungkinan pembayaran ansuran semasa tempoh kemudahan = 1% setahun ke atas jumlah tertunggak. Bagi kemungkinan menyebabkan Kemudahan ditamatkan atau dibawa ke mahkamah = 1% setahun ke atas baki semasa. (baki pokok dan keuntungan terakru). Bagi kemungkinan pembayaran selepas tamat tempoh Kemudahan = Kadar semalaman harian Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam ("IIMM") di Bank Negara Malaysia ("BNM") ke atas baki semasa (baki pokok dan keuntungan terakru). Bagi kemungkinan pembayaran selepas penghakiman mahkamah telah diperolehi = Kadar semalaman harian IIMM di BNM ke atas jumlah penghakiman asas.
--	---

Hak Penolakan	Bank boleh menolak selesai/memotong apa-apa baki kredit yang terdapat di dalam akaun deposit anda di Bank untuk menjelaskan apa-apa baki belum jelas tertakluk kepada <u>pengeluaran notis bertulis 7 hari terlebih dahulu kepada anda</u> .
Hak untuk Memulakan Proses Pemulihan dan Tindakan Undang-undang	<ul style="list-style-type: none"> Tindakan undang-undang akan dikenakan jika anda gagal untuk memberikan respons kepada notis-notis peringatan. Pihak bank boleh memulakan aktiviti pemulihan (termasuk menggunakan agensi pengutipan hutang daripada pihak ketiga), prosiding perampasan dan kebangkrutan. <p>Nota: Tindakan undang-undang yang diambil ke atas anda mungkin menjejaskan tahap penarafan kredit dan kemampuan anda untuk mendapat sebarang pembiayaan daripada institusi-institusi kewangan lain.</p>

7. Apakah yang akan berlaku jika saya menjelaskan sepenuhnya pembiayaan sebelum tempoh matang?

- Sekiranya berlaku penebusan awal atau penyelesaian penuh awal, anda dikehendaki membayar balik sepenuhnya kepada Bank Fi Jaminan yang telah dibayar oleh Bank terlebih dahulu kepada SJPP untuk tahun tersebut.
- Anda mesti terlebih dahulu memberi notis bertulis 3 bulan kepada Bank jika anda ingin menyelesaikan sepenuhnya pembiayaan sebelum tarikh matang.
- Bank akan memberi rebat (Ibra') jika pembiayaan dijelaskan dengan lebih awal. Formula rebat adalah seperti berikut:

$$\text{Rebat hasil langsaian pembiayaan awal} = \text{Baki Keuntungan Belum Diperolehi} - * \text{Caj Penyelesaian Awal (jika ada)}$$

- Nota:**
- (i) *Baki Keuntungan Belum Diperolehi = Jumlah Keuntungan – Keuntungan Terakru*
 - (ii) *Jumlah Keuntungan = Harga Jualan – Amaun Pembiayaan*
 - (iii) *Keuntungan Terakru dikira berdasarkan Kadar Keuntungan Efektif ke atas baki Amaun Pembiayaan yang diberikan*

*Bagi apa-apa kos sebenar yang ditanggung oleh Bank seperti kadar yang telah didiskaunkan, fi guaman, fi pengeluaran, dan duti setem.

8. Adakah saya perlu mengambil perlindungan takaful?

Anda mempunyai pilihan untuk mengambil cadangan perlindungan takaful seperti di bawah:

- Takaful Pengurangan Gadai Janji Bertempoh (MRTT) atau sijil/polisi takaful perlindungan yang seumpamanya untuk melindungi syarikat sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya kekal atas pelanggan atau orang utama dalam syarikat (jika berkenaan)

9. Apakah kemungkinan risiko utama?

EPR adalah kadar yang boleh ubah atau boleh laras dan perubahan itu boleh berlaku disebabkan perubahan IFR. Peningkatan EPR mungkin akan meningkatkan amaun pembayaran bulanan. Walau bagaimanapun, kenaikan EPR adalah dihadkan setakat CPR.

Nota:

Untuk Kemudahan yang ditetapkan kepada IFR, pergerakan dalam IFR akan mengubah EPR pada hari yang sama.

10. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan maklumat dalam butiran peribadi saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada pihak kami tentang sebarang perubahan maklumat dalam butiran peribadi anda bagi memastikan anda menerima semua surat-menyurat tepat pada masanya. Untuk mengemaskini maklumat peribadi anda, sila hubungi kami di +603-76268899 atau kunjungi mana-mana cawangan kami di seluruh negara.

11. Dimanakah saya boleh mendapatkan bantuan penyelesaian kewangan?

- Jika anda menghadapi kesukaran untuk membuat bayaran, anda perlu menghubungi kami secepat mungkin untuk membincangkan alternatif pembayaran. Anda boleh menghubungi kami di:

Credit Control Department, Hong Leong Islamic Bank Berhad

Alamat : Tingkat 2, PJ City Development, 15A Jalan 219, Seksyen 51A, Petaling Jaya, 46100 Selangor.
 No.Telefon : +603-7952 3388
 Fax : 03-7873 8228

E-mel : hlbbsmerecovery@hlbb.hongleong.com.my
Laman Sesawang : www.hlisb.com.my

- Untuk pilihan lain, anda juga boleh mendapatkan perkhidmatan daripada pihak-pihak dibawah:

- a) **Khidmat Nasihat Pembiayaan (KNP)**, yang dirasmikan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dengan kerjasama antara Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC) dan Agensi Kaunseling & Pengurusan Kredit (AKPK) melalui MyKNP@CGC yang menyediakan khidmat nasihat dan cadangan kewangan kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS atau SME) yang gagal memperoleh kelulusan pembiayaan perniagaan dari institusi kewangan. Anda boleh menghubungi KNP di:

MyKNP@CGC Unit Khidmat Nasihat Kewangan CGC

Alamat : Pegawai Penasihat KNP dimana-mana cawangan diseluruh negara.

Untuk lokasi cawangan, sila rujuk kepada laman sesawang CGC di <https://www.cgc.com.my/cgc-branches/?lang=my>.

No Telefon : 03- 7880 0088

E-Mel : myknp@cgc.com.my

Laman Sesawang : bnm.gov.my/MyKNP

- b) **Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)**, agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia sebagai platform setempat yang menyediakan perkhidmatan penstrukturan pembiayaan, pendidikan kewangan dan nasihat kredit kepada individu dan juga PKS atau SME. Anda boleh menghubungi AKPK di:

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)

Alamat : Tingkat 5 & 6, Menara Bumiputra Commerce, Jalan Raja Laut 50350 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan.

Telefon No : 1-800-88-2575

E-mail : enquiry@akpk.org.my

Laman Sesawang : <https://www.akpk.org.my/smehelpdesk>

- Jika anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan kami, anda boleh menghubungi kami di:

Customer Advocacy

Alamat : Tingkat 13A, Menara Hong Leong, No. 6, Jalan Damansara, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur

No.Telefon : 03-76268801/03-76268802/03-76268812

E-mel : customerservice@hlbb.hongleong.com.my

- Jika soalan atau aduan anda tidak diselesaikan oleh kami secara memuaskan, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia di:

Bank Negara Malaysia LINK atau BNMTELELINK

Alamat : Blok D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn 50480 Kuala Lumpur.

No. Telefon : 1-300-88-5465

Faks : 03-2174 1515

E-mel : bnmtelelink@bnm.gov.my

12. Dimana boleh saya mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan tentang SME Grow-i, sila layari laman sesawang kami di www.hlisb.com.my.

13. Lain-lain pakej pembiayaan

- Pembiayaan Berjangka Komoditi Murabahah-i Hong Leong
- Pembiayaan Aliran Tunai Komoditi Murabahah-i Hong Leong
- Kredit Pusingan Komoditi Murabahah-i Hong Leong
- Sewa Beli Perindustrian-i Hong Leong
- Pembiayaan Perdagangan Islamik

14. Bagaimanakah cara saya membuat bayaran bulanan?

Pembayaran bulanan anda boleh dibuat dengan mudah melalui:

- Arahan potongan tetap daripada Akaun Semasa/-i Hong Leong Bank / Hong Leong Islamic Bank anda
- Perbankan Internet (www.hongleongconnect.my) atau melalui aplikasi telefon mudah alih atau aplikasi tablet
- Sistem Pembayaran Elektronik Malaysia (MEPS) atau Giro Antara Bank (IBG)*

Kaedah pembayaran alternatif termasuk:

- Pindahan ATM ke akaun pembiayaan anda
- Masukkan pembayaran ke akaun pembiayaan melalui Mesin Deposit Tunai**
- Buat pembayaran anda di kaunter cawangan terdekat

Penting:

*Bayaran IBG secara dalam talian adalah RM0.10 bagi setiap transaksi

**Berkuatkuasa 2 Januari 2015, fi pemrosesan cek sebanyak RM0.50 dan duti setem sebanyak RM0.15 akan dikenakan bagi setiap cek yang dikeluarkan.

Tertakluk kepada Cukai Kerajaan, jika berkenaan.

15. Ada saya memerlukan penjamin atau cagaran?

- Satu atau lebih Penjamin diperlukan
- Jaminan memihak kepada Bank oleh SJPP di bawah Skim Jaminan sebanyak 70% daripada Jumlah Kemudahan.

NOTIS PENTING

BANK BOLEH MENGAMBIL TINDAKAN UNDANG-UNDANG, JIKA ANDA GAGAL UNTUK MEMBUAT BAYARAN ANDA TEPAT PADA WAKTUNYA.

Sila Baca Maklumat Di Dalam HPP Ini Dengan Berhati-Hati Untuk Memastikan Anda Tahu Dan Faham Akan Terma-Terma Produk Dan Bersetuju Untuk Terikat Dengannya.

Maklumat yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini sah pada April 2023.